

16 MAY 2000

MAHATHIR-KHAZANAH/I

KHAZANAH BUKAN SELAMATKAN TIME, KATA MAHATHIR

IPOH, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cadangan sayap pelaburan kerajaan Khazanah Nasional Bhd untuk membeli 30 peratus ekuiti dalam Time dotCom Bhd bukan "tindakan menyelamatkan" kerana syarikat itu mempunyai potensi dan aset yang baik.

Beliau berkata Time dotCom, antara pengendali rangkaian gentian optik terbesar Malaysia, bukan sahaja mempunyai lesen telefon selular tetapi juga telah memasang satu rangkaian gentian optik yang merupakan "aset tegapnya".

"Ini kerana SingTel pun bersedia untuk membayar dan daripada apa yang saya diberitahu, SingTel bersedia meletakkan harga yang lebih tinggi bagi Time dotCom agar ia tidak tertarik kepada yang lain yang turut berminat.

"Tetapi SingTel bersedia meletakkan nilai yang lebih tinggi dan memperoleh 20 peratus daripada lebih nilai Time dotCom," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Hari Guru peringkat kebangsaan di sini.

Time dotCom ialah anak syarikat Time Engineering Bhd. Rundingan antara Time dan Singtel mengenai cadangan memperoleh ekuiti dalam Time dotCom telah ditamatkan baru-baru ini.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata beliau agak yakin orang barat akan menyatakan ini merupakan tindakan menyelamatkan oleh kerajaan. "Mereka boleh kata apa yang mereka mahu tetapi apa yang mereka lakukan tidak berbeza daripada apa yang kita lakukan."

"Apabila LTCM (Long Term Credit Management) kehilangan wang, orang yang melabur dalam LCTM menggunakan kedudukan mereka untuk mempengaruhi bank-bank supaya memberikan wang kepada LTCM, dan itu adalah perkara yang terburuk yang dilakukan.

"Anda sebenarnya menggunakan wang orang awam untuk menyelamatkan diri sendiri," katanya.

"Tetapi kami tidak menyelamatkan diri kita... sebenarnya saya tidak terlibat di dalamnya tetapi dasar kami ialah kita tidak boleh membenarkan syarikat-syarikat besar gulung tikar kerana jika kita benarkannya, ramai orang akan mengalami masalah.

"Jadi ia bukan tindakan menyelamatkan. Saya fikir ia (Khazanah) akan menjalankan kajian usaha wajar dan membayar harga yang selaras dengan nilai syarikat itu," katanya.

Ditanya sama ada tindakan Khazanah itu merupakan langkah jangka pendek, Dr Mahathir berkata ia bertindak untuk kepentingan ramai termasuk kerajaan. Ia tidak meletakkan wang dalam sesebuah syarikat dan mengekalkannya.

"Jika untung bagi Khazanah menjualnya, ia akan, seperti orang lain," katanya.

-- BERNAMA

HK JR